

USIM tawar dua program akademik di Oman

SEREMBAN 20 Ogos - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperluaskan cabang pengajiannya dengan menawarkan program Perbankan dan Kewangan Islam ke peringkat antarabangsa menerusi kerjasama antara Kolej Universiti Majan, di Oman.

Kerjasama yang dilakukan melalui pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) itu meliputi dua program akademik yang dirangka oleh Fakulti Ekonomi dan Mualamat (FEM) USIM yang bakal ditawarkan di kolej universiti berkenaan.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, usaha tersebut merupakan pendekatan positif kepada kedua-dua institusi dalam usaha memperluaskan jaringan usahasama akademik.

“Dua program iaitu Sarjana Perbankan Islam dan kursus Eksekutif Perbankan dan Kewangan Islam, bakal menyaksikan penuntut di sana (Oman) yang mengikuti program pengajian itu akan mengikuti silibus



ASMA Ismail (dua dari kiri) memegang memorandum persefahaman yang ditandatangani antara Universiti Sains Islam Malaysia dengan Kolej Universiti Majan yang diwakili Maha Kobeil di Nilai, Seremban, baru-baru ini

serta modul yang dirangka oleh pihak USIM.

“Inisiatif ini secara tidak lang-

sung membuktikan bahawa USIM sememangnya komited dan sentiasa mengambil langkah proaktif un-

tuk membawa program pengajiannya ke peringkat antarabangsa,” katanya selepas majlis menandata-

ngani MoU tersebut di USIM, Nilai, di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Asma dan Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali, manakala Kolej Universiti Majan diwakili oleh Dekannya, Dr. Maha Kobeil serta Nabila Al Macki.

Jelas Asma, usahasama tersebut diharapkan memberi manfaat serta impak positif bukan sahaja kepada kepada pembangunan ilmu malah kepakaran ummah.

“Lebih-lebih lagi dengan sistem kewangan dan perbankan Islam yang semakin diterima di peringkat global.

“Industri ini kian memperlihatkan potensi tinggi dan berkembang amat pantas sekali gus menjadikan permintaan kepada tenaga pakar dalam bidang ini semakin meningkat,” ujarinya.

Pemilihan USIM sebagai rakan strategik kepada Kolej Universiti Majan itu juga merupakan cadangan daripada Atase Pendidikan Oman ke Malaysia, Dr. Khamis Al-Bulushi.